

# Simposium 'The Origins Of The Indigenous People Of Sabah' Okt ini

MSI 3.10.2019 7  
KOTA KINABALU: Simposium bertajuk The Origins of the Indigenous People of Sabah 2019 akan diadakan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah pada 9 Oktober 2019.

Simposium anjuran Kursi Kadazan-Dusun dengan kerjasama Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BORIIS) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS itu dijangka menjadi medan perbincangan lebih mendalam mengenai evolusi manusia terutamanya mengenai asal usul Orang Asal di Sabah dari pelbagai sudut disiplin kajian.

Antara pembentang kertas kerja dalam simposium ini adalah Profesor Dr Stephen Oppenheimer dari University of Oxford, UK (Pakar Genetik Manusia Pra-Sejarah), Profesor Dr Stephen Chia dari Universiti Sains Malaysia (pakar Arkeologi), Profesor Madya Dr Hanafi Hussin dari Universiti Malaya (Pakar Budaya), Dr Yew Chee Wei dari Universiti Malaysia Sabah (Pakar Genetik) dan Dr Mark T. Miller dari Summer Institute of Linguistics (Malaysia) (Pakar Bahasa).